

Bil. S 105

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah Perkara 83(3))**

PERINTAH PERTUBUHAN, 2005

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Gelaran dan gelaran panjang.
2. Tafsiran.
3. Lantikan Pendaftar, Timbalan Pendaftar dan Penolong Pendaftar.
4. Kuasa-kuasa dll. Pendaftar.
5. Kuasa untuk mewakilkan.

BAHAGIAN II

PERTUBUHAN DIANGGAP DITUBUHKAN

6. Pertubuhan dianggap sebagai ditubuhkan.

BAHAGIAN III

PENDAFTARAN

7. Daftar Pertubuhan.
8. Pendaftaran.
9. Sijil pendaftaran.
10. Kuasa Pendaftar untuk membuat pertanyaan dll.
11. Penolakan pendaftaran.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

12. Akibat tidak mendaftarkan.
13. Pembatalan pendaftaran.
14. Akibat pembatalan pendaftaran.
15. Liabiliti pemegang jawatan dalam pertubuhan yang pendaftarannya telah dibatalkan.
16. Perubahan tempat urusan dll.

BAHAGIAN IV

PERTUBUHAN BERDAFTAR

17. Penggantungan aktiviti.
18. Pembatalan kelayakan hendaklah dikenakan kepada pemegang jawatan, penasihat dan pekerja pertubuhan berdaftar.
19. Penggabungan di luar Negara Brunei Darussalam adalah dilarang.
20. Kuasa Pendaftar untuk membuat perintah.
21. Peruntukan-peruntukan yang dikenakan kepada pertubuhan berdaftar.
22. Memberi maklumat dan perintah pembubaran.
23. Orang yang bertanggungjawab untuk memberikan maklumat.
24. Pertikaian.
25. Pemeriksaan dokumen dan nilai keterangan bagi salinan yang diperakui oleh Pendaftar.
26. Akibat perintah di bawah bab 31, penolakan pendaftaran pertubuhan di bawah bab 11 dan pembatalan pendaftaran.

BAHAGIAN V

CAWANGAN-CAWANGAN PERTUBUHAN BERDAFTAR

27. Penubuhan cawangan pertubuhan berdaftar.
28. Liabiliti pertubuhan berkaitan dengan kontrak yang dibuat oleh cawangan.

BAHAGIAN VI

PERTUBUHAN-PERTUBUHAN YANG MENYALAHİ UNDANG-UNDANG

29. Pertubuhan-pertubuhan yang menyalahi undang-undang.
30. Pertubuhan yang menggunakan upacara Triad dianggap sebagai pertubuhan yang menyalahi undang-undang.
31. Kuasa Menteri untuk mengisyiharkan pertubuhan sebagai menyalahi undang-undang.

BAHAGIAN VII

PENGUATKUASAAN

32. Kuasa untuk memasuki dan menggeledah.
33. Kuasa Pendaftar atau Penolong Pendaftar untuk menyaman saksi supaya hadir dan menyiasat.
34. Pendakwaan.
35. Benda yang dirampas boleh dilucutkak.
36. Perlucutan hak.
37. Apa-apa barang yang dirampas yang berkaitan dengannya tidak ada pendakwaan hendaklah dilucutkak jika tidak dituntut dalam masa satu bulan.
38. Perlindungan pemberi maklumat.
39. Kesalahan tertentu tidak boleh dijamin dan boleh ditangkap tanpa waran.
40. Liabiliti pemegang jawatan berkaitan dengan kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan.

BAHAGIAN VIII

KESALAHAN-KESALAHAN

41. Kesalahan menjadi pemegang jawatan dll. dalam pertubuhan yang menyalahi undang-undang.
42. Kesalahan yang melibatkan ahli-ahli pertubuhan yang menyalahi undang-undang.
43. Orang yang membenarkan pertubuhan yang menyalahi undang-undang dalam premis.
44. Menghasut dll. orang untuk menjadi ahli pertubuhan yang menyalahi undang-undang.
45. Mendapatkan yuran atau bantuan untuk pertubuhan yang menyalahi undang-undang.
46. Penyiaran dll. propaganda pertubuhan yang menyalahi undang-undang.
47. Bertindak bagi pihak atau bagi mewakili pertubuhan yang menyalahi undang-undang.
48. Menunjukkan atau menggunakan sijil pendaftaran yang telah dibatalkan.
49. Bendera dll. dan tanda lain pertubuhan.
50. Penipuan, pengakuan palsu dan salah guna.
51. Hukuman kerana memberi maklumat palsu.
52. Hukuman am.
53. Anggapan menjadi ahli dll. pertubuhan.
54. Anggapan lain.
55. Rayuan.

BAHAGIAN IX

RAMPAIAN

56. Keterangan.
57. Penyampaian dokumen.
58. Pindaan Jadual.
59. Pengecualian.
60. Peraturan-peraturan.
61. Perkecualian.
62. Pemansuhan.

JADUAL PERTAMA — BAYARAN

JADUAL KEDUA — PERLEMBAGAAN DAN ATURAN-ATURAN PERTUBUHAN

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH PERTUBUHAN, 2005

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Fasal (3) Perkara 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Gelaran dan gelaran panjang.

1. (1) Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Pertubuhan, 2005.
(2) Gelaran panjang Perintah ini adalah "Suatu Perintah berkenaan dengan pertubuhan-pertubuhan dan bagi perkara-perkara yang berhubungan atau bersampingan dengannya".

Tafsiran.

2. Dalam Perintah ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

"Penolong Pendaftar" bermakna seseorang yang dilantik sedemikian di bawah ceraian (2) bab 3;

"Timbalan Pendaftar" bermakna seseorang yang dilantik sedemikian di bawah ceraian (1) bab 3;

"Menteri" bermakna Menteri yang bertanggungjawab bagi perkara-perkara pertubuhan;

"pemegang jawatan" bermakna mana-mana orang yang menjadi yang di-pertua, naib yang di-pertua, setiausaha atau bendahari bagi mana-mana pertubuhan atau mana-mana cawangannya, atau yang menjadi seorang ahli dalam suatu jawatankuasa atau badan pengelola bagi mana-mana pertubuhan atau mana-mana cawangannya yang memegang sebarang jawatan atau kedudukan yang sama dengan jawatan atau kedudukan seorang yang di-pertua, naib yang di-pertua, setiausaha atau bendahari dalam pertubuhan atau cawangan tersebut;

"daftar" bermakna Daftar Pertubuhan yang disebut dalam ceraian (1) bab 7;

"pertubuhan berdaftar" bermakna suatu pertubuhan yang didaftarkan di bawah ceraian (3) bab 8;

"Pendaftar" bermakna Pendaftar Pertubuhan yang dilantik di bawah ceraian (1) bab 3 dan termasuk mana-mana Timbalan Pendaftar;

"sekolah" bermakna mana-mana sekolah, maktab atau institusi pembelajaran lain, sama ada atau tidak seluruhnya diselenggarakan atau seluruhnya diurus atau dikawal oleh Kerajaan;

"pertubuhan" termasuk mana-mana kelab, syarikat, perkongsian atau persatuan yang terdiri daripada 10 orang atau lebih tidak kira apa jua jenis atau tujuannya, sama ada sementara atau kekal, tetapi tidak termasuk —

(a) mana-mana syarikat yang diperbadankan atau didaftarkan di bawah Akta Syarikat (Penggal 39);

(b) mana-mana badan korporat yang diperbadankan atau ditubuhkan di bawah sebarang undang-undang bertulis;

(c) mana-mana kesatuan sekerja yang didaftarkan atau dikehendaki untuk didaftarkan di bawah Akta Kesatuan Sekerja (Penggal 128);

(d) mana-mana syarikat, persatuan atau perkongsian yang ditubuhkan semata-mata bagi maksud menjalankan apa-apa urusan dengan tujuan supaya syarikat, persatuan, perkongsian itu atau ahli-ahli individunya mendapat keuntungan;

(e) mana-mana koperasi yang didaftarkan di bawah Akta Koperasi (Penggal 84);

(f) mana-mana organisasi atau persatuan yang menjadi sebahagian dari kurikulum sesebuah sekolah;

(g) mana-mana sekolah, jawatankuasa pengurusan sesebuah sekolah, persatuan ibu bapa atau persatuan ibu bapa - guru yang didaftarkan atau dikecualikan dari pendaftaran di bawah sebarang undang-undang bertulis;

(h) mana-mana organisasi atau persatuan yang ditubuhkan oleh mana-mana jabatan Kerajaan atau kementerian yang ahli-ahlinya seluruhnya terdiri daripada kakitangan awam.

Lantikan Pendaftar, Timbalan Pendaftar dan Penolong Pendaftar.

3. (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh melantik seorang Pendaftar Pertubuhan dan sebilangan orang Timbalan Pendaftar, atas nama atau atas jawatan, sebagaimana yang mungkin dianggap perlu oleh Baginda bagi maksud-maksud dan perlaksanaan yang sewajarnya Perintah ini.

(2) Menteri, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, boleh melantik sebilangan orang Penolong Pendaftar, atas nama atau atas jawatan, sebagaimana yang mungkin dianggap perlu oleh Baginda bagi maksud-maksud dan perlaksanaan yang sewajarnya Perintah ini.

(3) Pendaftar, Timbalan-Timbalan Pendaftar dan Penolong-Penolong Pendaftar hendaklah dianggap sebagai kakitangan kerajaan bagi maksud-maksud Kanun Hukuman Jenayah (Penggal 22).

(4) Tiada guaman boleh dibawa terhadap mana-mana kakitangan kerajaan kerana apa-apa jua yang dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan olehnya dengan suci hati tanpa kecualian dan dengan maksud hendak menjalankan sebarang kuasa atau melaksanakan sebarang kewajipan yang diberikan atau dikenakan kepadanya oleh Perintah ini.

Kuasa-kuasa dll. Pendaftar.

4. Pendaftar boleh menjalankan semua kuasa, menunaikan semua kewajipan dan melaksanakan semua tugas sebagaimana yang mungkin dianggapnya perlu bagi maksud menguatkuasakan atau melaksanakan peruntukan-peruntukan Perintah ini.

Kuasa untuk mewakilkan.

5. (1) Tertakluk kepada ceraian (3), Pendaftar boleh, secara bertulis, mewakilkan sebarang kuasa yang diberikan kepadanya oleh Perintah ini kepada mana-mana Penolong Pendaftar.

(2) Suatu perwakilan di bawah ceraian (1) boleh dibuat tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pendaftar dalam suratcara perwakilan.

(3) Kuasa untuk mewakilkan di bawah ceraian (1) hendaklah dijalankan hanya oleh Pendaftar itu sendiri.

BAHAGIAN II

PERTUBUHAN DIANGGAP DITUBUHKAN

Pertubuhan dianggap sebagai ditubuhkan.

6. (1) Tertakluk kepada ceraian (2), suatu pertubuhan hendaklah dianggap sebagai ditubuhkan di Negara Brunei Darussalam, walaupun ibu pejabatnya atau tempat urusannya yang utama dan walaupun pertubuhan itu dikelolakan, di luar Negara Brunei Darussalam, jika —

(a) mana-mana pemegang jawatannya atau ahli-ahlinya tinggal di Negara Brunei Darussalam atau berada di dalamnya; atau

(b) mana-mana orang di Negara Brunei Darussalam menguruskan atau menolong dalam pengurusan pertubuhan itu atau memungut atau meminta wang atau yuran bagi pihaknya.

(2) Tiada pertubuhan boleh dianggap sebagai ditubuhkan demikian, jika dan selagi —

- (i) pertubuhan itu dikelolakan dan beroperasi seluruhnya di luar Negara Brunei Darussalam;
- (ii) tiada pejabat, tempat urusan atau tempat mesyuarat diselenggarakan atau digunakan di Negara Brunei Darussalam oleh pertubuhan itu atau oleh mana-mana orang bagi pihaknya;
- (iii) tiada daftar mengenai semua atau mana-mana ahli pertubuhan itu disimpan di Negara Brunei Darussalam; dan
- (iv) tiada wang atau yuran dipungut atau diminta di Negara Brunei Darussalam oleh pertubuhan itu atau oleh mana-mana orang bagi pihaknya.

BAHAGIAN III

PENDAFTARAN

Daftar Pertubuhan.

7. (1) Bagi maksud-maksud Perintah ini, suatu daftar yang dikenali sebagai Daftar Pertubuhan hendaklah dalam bentuk sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pendaftar dan hendaklah mengandungi butir-butir pertubuhan yang didaftarkan di dalamnya.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(2) Pendaftar hendaklah bertanggungjawab bagi penyelenggaraan dan penyimpanan daftar itu.

(3) Selepas pendaftaran mana-mana pertubuhan di bawah ceraian (3) bab 8, butir-butir yang diberikan di bawah ceraian (2) bab itu hendaklah dicatatkan dalam daftar itu.

Pendaftaran.

8. (1) Suatu pertubuhan selain dari pertubuhan yang berkaitan dengannya suatu perintah yang dibuat di bawah ceraian (1) bab 31 berkuatkuasa hendaklah memohon kepada Pendaftar untuk pendaftaran.

(2) Setiap permohonan itu hendaklah dibuat dalam borang dan mengikut cara dan disertakan dengan dokumen-dokumen dan butir-butir sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pendaftar.

(3) Setelah berpuas hati dengan permohonan itu dan setelah bayaran yang ditetapkan dalam Jadual Pertama dibayar, Pendaftar hendaklah, tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang mungkin dikenakan olehnya, mendaftarkan dan mencatatkan nama pertubuhan itu dan butir-butir yang diberikan di bawah ceraian (2), dalam daftar itu.

(4) Suatu pertubuhan yang gagal mematuhi atau melanggar sebarang syarat yang dikenakan kepadanya di bawah ceraian (3) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$2,000.

Sijil pendaftaran.

9. (1) Jika suatu pertubuhan yang namanya telah dicatatkan dalam daftar itu menurut ceraian (3) bab 8, Pendaftar hendaklah mengeluarkan kepadanya suatu sijil pendaftaran dalam borang sebagaimana yang mungkin ditentukan olehnya.

(2) Sijil itu, melainkan jika sebaliknya dibatalkan, hendaklah menjadi keterangan muktamad bagi segala maksud bahawa pertubuhan itu telah didaftarkan di bawah Perintah ini.

(3) Jika suatu pertubuhan yang namanya telah dicatatkan dalam daftar itu tertakluk kepada sebarang syarat, maka syarat-syarat itu hendaklah dicatatkan dalam sijil pendaftarannya.

Kuasa Pendaftar untuk membuat pertanyaan dll.

10. (1) Pendaftar boleh, berkenaan dengan sebarang permohonan di bawah Perintah ini, membuat pertanyaan sebagaimana yang mungkin dianggapnya perlu.

(2) Jika pemohon gagal memberikan apa-apa maklumat yang diminta atau menjawab pertanyaan itu sehingga memuaskan hati Pendaftar, maka Pendaftar boleh enggan meluluskan permohonan itu.

Penolakan pendaftaran.

11. (1) Pendaftar boleh menolak pendaftaran suatu pertubuhan jika —

(a) dia berpuas hati bahawa pertubuhan itu adalah cawangan suatu pertubuhan —

(i) yang pendaftarannya telah dibatalkan di bawah perenggan (c) ceraian (1) bab 13;

(ii) yang semua atau sebarang aktivitinya telah digantung di bawah ceraian (1) bab 17; atau

(iii) yang pendaftarannya dahulunya telah ditolak;

(b) dia berpuas hati bahawa pertubuhan itu telah gagal mematuhi sebarang peruntukan Perintah ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya;

(c) suatu pertikaian wujud di antara ahli-ahli pertubuhan itu tentang orang-orang yang akan menjadi pemegang jawatan atau yang akan memegang atau mentadbir apa-apa harta, pertubuhan itu; atau

(d) nama yang dengannya pertubuhan itu akan didaftarkan termasuk —

(i) apa-apa nama, gelaran atau perihalan berkaitan dengan sebarang bintang kebesaran, bintang kehormatan, anugerah atau pingat kehormatan yang dikurniakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan;

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

- (ii) perkataan-perkataan "Royal", "Di-Raja" atau, pada pendapat Pendaftar, apa-apa perkataan yang menunjukkan atau dikira menunjukkan naungan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan atau sebarang hubungan dengan Kerajaan atau mana-mana jabatannya; atau
 - (iii) perkataan-perkataan atau singkatan "BD", "Brunei", "Brunei Darussalam" atau "Negara Brunei Darussalam".
- (2) Pendaftar hendaklah menolak pendaftaran suatu pertubuhan jika —
- (a) pertubuhan itu menyalahi undang-undang atau diisyiharkan menyalahi undang-undang di bawah peruntukan-peruntukan Perintah ini atau sebarang undang-undang bertulis lain;
 - (b) pada pendapatnya, pertubuhan itu sedang digunakan atau mungkin digunakan bagi sebarang tujuan yang menyalahi undang-undang atau bagi sebarang tujuan yang menjelaskan atau bertentangan dengan keamanan, ketenteraman awam, keselamatan atau kepentingan awam Negara Brunei Darussalam;
 - (c) pertubuhan itu telah diisyiharkan sebagai menyalahi undang-undang di bawah ceraian (1) bab 31;
 - (d) Pendaftar berpuas hati bahawa pertubuhan itu tidak wujud; atau
 - (e) nama yang dengannya pertubuhan itu akan didaftarkan —
 - (i) pada pendapat Pendaftar adalah mengelirukan atau mungkin mengelirukan orang ramai tentang ciri atau tujuan pertubuhan itu yang sebenarnya atau menyerupai nama pertubuhan lain yang mungkin memperdayakan orang ramai atau ahli-ahli salah satu pertubuhan;
 - (ii) adalah sama dengan nama mana-mana pertubuhan lain yang sedia ada; atau
 - (iii) adalah, pada pendapat Pendaftar, tidak diingini.

Akibat tidak mendaftarkan.

12. (1) Sehingga suatu pertubuhan didaftarkan di bawah Perintah ini, tiada sesiapa pun boleh, tanpa kebenaran bertulis daripada Pendaftar, menganjurkan atau mengambil bahagian dalam sebarang aktiviti atau bagi pihak pertubuhan itu,

kecuali hanya untuk memohon pendaftaran kepada atau surat-menyurat dengan, Pendaftar.

(2) Mana-mana orang yang gagal mematuhi atau melanggar ceraian (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$5,000, dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, dikenakan suatu denda tambahan tidak melebihi dari \$500 bagi setiap hari atau sebahagiannya selama mana kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

Pembatalan pendaftaran.

13. (1) Tertakluk kepada ceraian (2), Pendaftar boleh membatalkan pendaftaran mana-mana pertubuhan berdaftar dalam sebarang hal yang berikut —

(a) apabila Pendaftar membubarkannya di bawah Perintah ini atau apabila pertubuhan itu membubarkannya, dan pembubarannya hendaklah disahkan mengikut cara sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pendaftar;

(b) jika pertubuhan itu telah diisyiharkan menyalahi undang-undang di bawah ceraian (1) bab 31;

(c) jika Pendaftar berpuas hati —

(i) bahawa pendaftarannya telah dilakukan oleh sebab penipuan, kesilapan atau salah nyata dalam apa-apa butir penting;

(ii) bahawa pertubuhan itu sedang digunakan atau mungkin digunakan bagi sebarang tujuan yang menyalahi undang-undang atau bagi sebarang tujuan yang menjelaskan atau bertentangan dengan keamanan, ketenteraman awam, keselamatan atau kepentingan awam Negara Brunei Darussalam;

(iii) bahawa pertubuhan itu berusaha hendak mencapai tujuan-tujuan, lain daripada tujuan-tujuan ia didaftarkan;

(iv) bahawa pertubuhan itu telah dengan sengaja gagal mematuhi atau melanggar sebarang peruntukan Perintah ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya atau sebarang aturan pertubuhan itu;

(v) bahawa mana-mana ahli pertubuhan itu telah melanggar bab 4 dari Akta Hasutan (Penggal 24); atau

(vi) bahawa pertubuhan itu tidak lagi wujud;

(d) apabila pertubuhan itu gagal mematuhi ceraian (1) bab 22.

(2) Jika Pendaftar bercadang hendak membatalkan pendaftaran mana-mana pertubuhan berdaftar di bawah perenggan (c) ceraian (1), maka Pendaftar hendaklah —

(a) memberitahu seorang pemegang jawatan atau lebih pertubuhan itu mengenai niatnya hendak membatalkan pendaftaran pertubuhan itu; dan

(b) memberikan kapadanya atau kepada mereka suatu peluang untuk mengemukakan secara bertulis dalam masa 30 hari dari tarikh pemberitahuan itu sebab-sebab mengapa pendaftaran itu tidak patut dibatalkan.

Akibat pembatalan pendaftaran.

14. (1) Sebarang pembatalan pendaftaran di bawah sebarang peruntukan Perintah ini hendaklah mempunyai kesan untuk membatalkan dengan serta-merta kesahan sijil pendaftaran di bawah ceraian (2) bab 9.

(2) Jika pendaftaran suatu pertubuhan berdaftar dibatalkan di bawah Perintah ini, Pendaftar hendaklah dengan serta-merta menyiaran suatu notis mengenai pembatalan tersebut dalam *Warta Kerajaan*.

Liabiliti pemegang jawatan dalam pertubuhan yang pendaftarannya telah dibatalkan.

15. (1) Jika pendaftaran suatu pertubuhan telah dibatalkan di bawah perenggan (b) atau di bawah perenggan kecil (i), (ii), (iii), (iv) atau (v) perenggan (c), ceraian (1) bab 13 atau di bawah bab 24, mana-mana pemegang jawatannya yang selepas tarikh pembatalan tersebut menjadi atau selepas tamat tempoh 30 hari dari tarikh itu terus menjadi, seorang pemegang jawatan dalam mana-mana pertubuhan lain tanpa kebenaran secara bertulis daripada Pendaftar, adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$15,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 5 tahun atau kedua-duanya sekali.

(2) Kecuali jika pendaftaran suatu pertubuhan berdaftar telah dibatalkan di bawah perenggan (b) ceraian (1) bab 13, sekatan yang dikenakan kepada mana-mana pemegang jawatan di bawah ceraian (1) hendaklah terhenti selepas tamatnya tempoh 5 tahun yang bermula dari tarikh pembatalan tersebut.

Perubahan tempat urusan dll.

16. (1) Pertubuhan berdaftar tidaklah boleh mengubah tempat urusannya tanpa terlebih dahulu memberitahu Pendaftar secara bertulis.

(2) Pertubuhan berdaftar tidaklah boleh mengubah namanya atau meminda aturan-aturannya tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Pendaftar dan tanpa membuat bayaran yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

(3) Suatu permohonan bagi sebarang perubahan atau pindaan di bawah ceraian (2) hendaklah dibuat kepada Pendaftar dalam masa 60 hari dari tarikh keputusan untuk membuat perubahan atau pindaan itu.

(4) Jika suatu pertubuhan berdaftar gagal mematuhi atau melanggar sebarang peruntukan bab ini, pertubuhan itu dan tiap-tiap pemegang jawatan dalam pertubuhan itu adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$3,000.

(5) Dalam bab ini, "aturan-aturan" termasuk matlamat-matlamat dan tujuan-tujuan sesuatu pertubuhan itu ditubuhkan atau yang ia berusaha hendak mencapainya atau yang dananya atau mana-mana daripadanya boleh digunakan, kelayakan-kelayakan untuk menjadi ahli dan bagi memegang sebarang jawatan, cara lantikan atau pemilihan ke sebarang jawatan, aturan-aturan yang akan mengawal pertubuhan itu dan kaedah dan cara meminda sebarang perkara tersebut dan kaedah dan cara bagaimana sebarang perkara tersebut boleh dipinda.

BAHAGIAN IV

PERTUBUHAN BERDAFTAR

Penggantungan aktiviti.

17. (1) Pendaftar boleh, dalam tempoh yang dinyatakan dalam perenggan (b) ceraian (2) bab 13, dengan perintah secara bertulis menggantung semua atau sebarang aktiviti pertubuhan berdaftar itu —

(a) jika difikirkannya perlu berbuat demikian bagi kepentingan awam atau bagi kepentingan pertubuhan berdaftar itu; atau

(b) bagi mencegah pertubuhan berdaftar itu dari seterusnya tidak mematuhi atau melanggar sebarang peruntukan Perintah ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya atau sebarang aturan pertubuhan itu.

(2) Suatu perintah di bawah ceraian (1) —

(a) boleh mengandungi syarat-syarat sebagaimana yang dianggap perlu atau mustahak untuk dikenakan oleh Pendaftar; dan

(b) hendaklah terus berkuatkuasa sehingga perintah itu dibatalkan atau pendaftaran pertubuhan itu dibatalkan.

(3) Seseorang pemegang jawatan atau mana-mana orang yang menguruskan atau menolong dalam pengurusan suatu pertubuhan yang gagal mematuhi atau melanggar suatu perintah di bawah ceraian (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$5,000, dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, dikenakan suatu denda tambahan tidak melebihi dari \$500 bagi setiap hari atau sebahagiannya selama mana kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

Pembatalan kelayakan hendaklah dikenakan kepada pemegang jawatan, penasihat dan pekerja pertubuhan berdaftar.

18. (1) Tertakluk kepada ceraian-ceraian (2) dan (4), seseorang hendaklah dibatalkan kelayakannya dari menjadi seorang pemegang jawatan, penasihat atau pekerja suatu pertubuhan berdaftar jika —

(a) dia telah disabitkan atas suatu kesalahan terhadap Perintah ini;

(b) sama ada di dalam atau di luar Negara Brunei Darussalam, dia telah disabitkan atas suatu kesalahan yang melibatkan ketidakjujuran atau keburukan akhlak atau suatu kesalahan yang boleh dihukum dengan suatu denda tidak melebihi dari \$2,000 atau penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari satu tahun;

(c) sama ada di dalam atau di luar Negara Brunei Darussalam, suatu perintah tahanan, sekatan, pengawasan, kediaman terhad, buang negeri atau pengusiran di bawah sebarang undang-undang bertulis lain telah dibuat terhadapnya;

(d) dia adalah seorang bankrap yang belum dilepaskan;

(e) dia adalah dan telah didapati atau diisyiharkan sebagai tidak sempurna akal.

(2) Pembatalan kelayakan seseorang di bawah perenggan (b) atau (c) ceraian (1) hendaklah terhenti selepas tempoh 5 tahun yang bermula dari tarikh orang yang disabitkan itu telah dibebaskan dari tahanan atau tarikh sebarang denda dikenakan atau tarikh perintah itu terhenti, mengikut mana yang berkenaan.

(3) Jika Pendaftar dengan notis yang ditandatanganinya memberitahu suatu pertubuhan bahawa mana-mana pemegang jawatan, penasihat atau pekerja pertubuhan itu telah dibatalkan kelayakannya di bawah ceraian (1), maka pertubuhan itu hendaklah dengan serta-merta melaksanakan pembatalan kelayakan tersebut.

(4) Mana-mana orang yang tertakluk kepada sebarang pembatalan kelayakan di bawah perenggan (a), (b) atau (c) ceraian (1) boleh memohon kepada Pendaftar untuk dikecualikan dari pembatalan kelayakan tersebut dan Pendaftar boleh, jika difikirkannya patut untuk berbuat demikian, mengecualikan orang itu bagi tempoh sebagaimana yang mungkin ditentukan olehnya dan tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang mungkin dikenakan olehnya.

(5) Mana-mana orang yang gagal mematuhi atau melanggar ceraian (1) atau sebarang syarat yang dikenakan di bawah ceraian (4) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$10,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 3 tahun atau kedua-duanya sekali.

(6) Dalam ceraian (1), "pemegang jawatan" termasuk —

(a) seseorang ahli mana-mana jawatankuasa kecil atau badan lain yang ditubuhkan atau dibentuk oleh badan pentadbir suatu pertubuhan berdaftar atau oleh badan pentadbir mana-mana cawangannya;

(b) seseorang yang bertanggungjawab sedikit sebanyak terhadap pengurusan sebarang hal ehwal atau perjalanan sebarang aktiviti, suatu pertubuhan berdaftar atau mana-mana cawangannya; dan

(c) seseorang yang dilantik atau diberi kuasa untuk mewakili atau bertindak bagi pihak, suatu pertubuhan berdaftar atau mana-mana cawangannya dalam apa-apa perkara, selain daripada seseorang yang, bukan seorang ahli pertubuhan itu, diguna khidmat oleh pertubuhan itu untuk mewakili atau bertindak bagi pihak, pertubuhan itu atau mana-mana cawangannya atas sifat profesionalnya atau melalui penyusunan di bawah kontrak.

Penggabungan di luar Negara Brunei Darussalam adalah dilarang.

19. Tiada pertubuhan boleh bergabung atau mempunyai hubungan dengan mana-mana pertubuhan di luar Negara Brunei Darussalam tanpa mendapat kebenaran secara bertulis daripada Pendaftar, dan Pendaftar boleh pada bila-bila masa membuat suatu perintah sementara bagi pembubaran mana-mana pertubuhan itu yang bergabung atau mempunyai hubungan dengan mana-mana pertubuhan di luar Negara Brunei Darussalam tanpa kebenarannya.

Kuasa Pendaftar untuk membuat perintah.

20. (1) Jika Pendaftar berpuas hati bahawa adalah perlu untuk berbuat demikian bagi kepentingan suatu pertubuhan berdaftar, bagi kepentingan ketenteraman awam, keselamatan atau sekuriti ataupun selainnya bagi kepentingan awam, Pendaftar boleh, pada bila-bila masa selepas memberikan kepada pertubuhan itu suatu peluang untuk membuat pernyataan kepadanya, membuat suatu perintah secara bertulis yang menghendaki pertubuhan itu, dalam tempoh masa yang ditentukan dalam perintah itu, untuk melakukan salah satu atau kedua-dua yang berikut —

(a) memecat dari jawatan semua atau mana-mana orang yang menjadi pemegang jawatan dalam pertubuhan itu sejurus sebelum membuat perintah itu;

(b) membuat peruntukan dalam aturan-aturan atau perlumbagaannya bahawa pemegang jawatan dalam pertubuhan itu hendaklah warganegara Negara Brunei Darussalam atau orang-orang yang telah diberikan suatu Permit Mastautin di bawah peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta Imigresen (Penggal 17).

(2) Pendaftar boleh, pada bila-bila masa selepas memberikan kepada suatu pertubuhan berdaftar suatu peluang untuk membuat pernyataan kepadanya, membuat suatu perintah secara bertulis yang menghendaki pertubuhan itu, dalam tempoh masa yang ditentukan dalam perintah itu, untuk meminda aturan-aturan atau perlumbagaannya bagi —

(a) mematuhi peruntukan-peruntukan Perintah ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya;

(b) meniadakan sebarang kekaburuan atau kesamaran di dalamnya atau bagi memberikan lebih kejelasan dan ketepatan kepada apa-apa makna dalam sebarang peruntukannya; atau

(c) membuat peruntukan bagi apa-apa perkara lain yang dianggap perlu, munasabah atau mustahak oleh Pendaftar.

(3) Jika Pendaftar membuat suatu perintah di bawah ceraian (1) atau (2), dia boleh memasukkan dalam perintah itu atau membuat pada bila-bila masa selepas itu, sebarang kehendak atau arahan berbangkit atau sampingan berkenaan dengan perintah yang dianggap perlu atau mustahak untuk dimasukkan atau dibuat olehnya.

(4) Pendaftar boleh, atas permohonan secara bertulis yang dibuat kepadanya oleh suatu pertubuhan berdaftar, melanjutkan masa yang diberikan olehnya kepada pertubuhan itu dalam sebarang perintah di bawah ceraian (1) atau (2) jika dia berpuas hati bahawa pertubuhan itu telah memberikan alasan yang munasabah dalam permohonannya dan bahawa adalah patut dan wajar untuk membenarkan masa itu dilanjutkan.

(5) Mana-mana pertubuhan yang gagal mematuhi atau melanggar sebarang perintah di bawah ceraian (1) atau (2) atau sebarang kehendak atau arahan yang dimasukkan atau dibuat oleh Pendaftar di bawah ceraian (3) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$15,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 5 tahun atau kedua-duanya sekali.

(6) Dalam ceraian (1), "pemegang jawatan" termasuk orang-orang yang dinyatakan dalam perenggan-perenggan (a) dan (b) ceraian (6) bab 18.

Peruntukan-peruntukan yang dikenakan kepada pertubuhan berdaftar.

21. Peruntukan-peruntukan yang berikut hendaklah dikenakan kepada pertubuhan-pertubuhan berdaftar —

(a) harta alih suatu pertubuhan, jika tidak terletakhak pada pemegang-pemegang amanah, hendaklah terletakhak pada badan pentadbir pertubuhan itu, dan boleh diperihalkan, dalam sebarang prosiding sivil dan jenayah, sebagai harta badan pentadbir pertubuhan itu dengan hakmiliknya yang sepatutnya, jika diketahui;

(b) harta tak alih suatu pertubuhan boleh, jika tidak didaftarkan atas nama-nama pemegang amanah, dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang bertulis yang berlawanan, didaftarkan atas nama pertubuhan itu, dan semua suratcara berkenaan dengan harta itu adalah sah dan berkuatkuasa seolah-olah suratcara itu telah disempurnakan oleh tuan punya berdaftar dengan syarat bahawa suratcara itu disempurnakan oleh 3 orang pemegang jawatan dalam pertubuhan itu yang lantikan mereka disahkan dengan suatu sijil yang dikeluarkan oleh Pendaftar dan dicap dengan meterai pertubuhan itu;

(c) suatu pertubuhan boleh mendakwa atau didakwa atas nama salah seorang ahlinya yang akan diisyitharkan oleh pertubuhan itu, dan didaftarkan oleh Pendaftar sebagai pegawai pertubuhan itu bagi maksud tersebut dan, jika orang itu tiada didaftarkan, maka adalah layak bagi mana-mana orang yang mempunyai suatu tuntutan atau permintaan terhadap pertubuhan itu untuk mendakwa pertubuhan itu atas nama mana-mana pemegang jawatan dalam pertubuhan itu;

(d) tiada guaman atau prosiding yang dibawa oleh atau terhadap suatu pertubuhan berdaftar dalam mana-mana mahkamah sivil boleh dibatalkan atau dihentikan kerana orang yang telah membawa atau meneruskan guaman atau prosiding itu atau orang yang terhadapnya guaman atau prosiding itu telah dibawa atau diteruskan, telah mati atau terhenti daripada mempunyai keupayaan untuk mendakwa atau didakwa, dan guaman atau prosiding itu hendaklah diteruskan atas nama atau terhadap pengganti orang itu;

(e) (i) sebarang penghakiman dalam mana-mana guaman tersebut terhadap suatu pertubuhan berdaftar hendaklah dikuatkuasakan hanya terhadap harta pertubuhan itu sahaja dan bukannya terhadap orang yang didakwa atau hartanya;

(ii) permohonan bagi perlaksanaan hendaklah merujuk kepada penghakiman itu dan fakta bahawa pihak yang terhadapnya harta itu akan didapatkan kembali setelah mendakwa atau setelah didakwa, mengikut mana yang berkenaan, bagi pihak pertubuhan itu, dan boleh menghendaki supaya penghakiman itu dikuatkuasakan hanya terhadap harta pertubuhan itu sahaja;

(f) mana-mana ahli suatu pertubuhan yang —

(i) gagal membayar suatu yuran yang, mengikut aturan-aturan pertubuhan yang dianggotainya, dia terikat untuk membayarnya;

(ii) ber hutang wang dengan pertubuhan itu;

(iii) bertentangan dengan aturan-aturan pertubuhan itu, mengambil milik atau menahan, apa-apa harta pertubuhan itu; atau

(iv) merosakkan atau memusnahkan apa-apa harta pertubuhan itu,

boleh, mengikut cara yang diperuntukkan di bawah perenggan-perenggan (a) hingga (e) didakwa kerana yuran, wang itu atau kerana kerugian yang timbul dari pemilikan atau penahanan salah, atau kerosakan atau pemusnahannya tersebut —

Dengan syarat bahawa jika defendant berjaya dalam guaman itu dan dihukum membayar kos, dia boleh memilih untuk menuntut balik kos itu daripada pegawai yang atas namanya guaman itu dibawa atau daripada

pertubuhan itu dan, sekiranya daripada pertubuhan itu, dia boleh memohon bagi perlaksanaan terhadap harta pertubuhan itu;

(g) mana-mana ahli suatu pertubuhan yang —

- (i) melakukan pencurian atau menyalahgunakan secara tidak jujur atau menjadikan untuk kegunaannya sendiri, apa-apa wang atau harta lain;
- (ii) dengan sengaja dan dengan niat jahat merosakkan atau memusnahkan apa-apa harta pertubuhan itu; atau
- (iii) memalsukan sebarang suratikatan, bon, jaminan wang, resit atau suratcara lain dengan demikian itu dana pertubuhan itu mungkin terdedah kepada kerugian,

boleh diambil tindakan selanjutnya dan dihukum seolah-olah dia bukan seorang ahli pertubuhan itu;

(h) sekiranya tidak ada peruntukan tertentu dalam aturan-aturan suatu pertubuhan, sebilangan yang tidak kurang dari tiga per lima daripada ahli-ahli pertubuhan itu yang bermastautin di Negara Brunei Darussalam boleh memutuskan supaya pertubuhan itu dibubarkan dengan serta-merta atau pada suatu masa yang dipersetujui, dan segala langkah yang perlu hendaklah diambil untuk melupuskan dan menyelesaikan harta pertubuhan itu, tuntutan-tuntutan dan liabiliti-liabilitinya, mengikut sebarang aturan pertubuhan itu yang dikenakan kepadanya dan jika tiada, maka sebagaimana yang diarahkan oleh badan pentadbir —

Dengan syarat bahawa jika sebarang pertikaian timbul di kalangan ahli-ahli badan pentadbir atau ahli-ahli pertubuhan itu di bawah bab ini, maka pertikaian tersebut boleh diputuskan oleh Pendaftar dan mana-mana orang yang tidak puas hati dengan keputusan Pendaftar boleh merayu kepada mahkamah dalam masa 30 hari dari tarikh keputusan itu.

Memberi maklumat dan perintah pembubarans.

22. (1) Tiap-tiap pertubuhan berdaftar hendaklah, dalam masa 60 hari selepas mengadakan mesyuarat agung tahunannya atau jika mesyuarat agung tahunan tidak diadakan, dalam masa 60 hari selepas penghujung tiap-tiap tahun kalendar, memberikan kepada Pendaftar —

(a) satu salinan yang benar dan lengkap mengenai sebarang pindaan kepada aturan-aturan pertubuhan itu yang dibuat sejak tarikh pendaftaran atau sejak tarikh penyata yang akhir;

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(b) satu senarai yang benar dan lengkap mengenai pemegang-pemegang jawatan dan bilangan ahli-ahli pertubuhan itu yang tinggal di Negara Brunei Darussalam atau berada di dalamnya pada tarikh penyata tersebut atau, jika pertubuhan itu tidak ada pemegang jawatan yang tinggal atau berada di Negara Brunei Darussalam, nama, alamat dan pekerjaan orang-orang itu di Negara Brunei Darussalam yang diberi kuasa untuk bertindak bagi pihak pertubuhan itu dan bilangan ahli-ahli pertubuhan itu berserta dengan satu senarai yang benar dan lengkap mengenai pemegang-pemegang jawatan di semua cawangan (jika ada) pertubuhan itu;

(c) alamat pertubuhan itu atau alamat tempat urusan pertubuhan itu;

(d) akaun-akaun tahun kewangan yang akhir pertubuhan itu dan suatu kunci kira-kira yang menunjukkan kedudukan kewangan pada penghujung tahun itu;

(e) nama dan alamat mana-mana pertubuhan, persatuan, kesatuan sekerja atau mana-mana kumpulan lain orang, yang diperbadankan atau tidak diperbadankan, di luar Negara Brunei Darussalam yang dengan apa jua cara bersetuju atau bergabung dengan pertubuhan itu;

(f) perihalan apa-apa wang atau harta, sebarang manfaat atau faedah wang yang diterima oleh pertubuhan itu daripada mana-mana orang yang biasanya bermastautin di luar Negara Brunei Darussalam atau mana-mana organisasi, pihak berkuasa, kerajaan atau agensi mana-mana kerajaan, di luar Negara Brunei Darussalam dan butir-butir lain berhubung dengannya; dan

(g) maklumat lain sebagaimana yang mungkin dikehendaki oleh Pendaftar.

(2) Pendaftar boleh, pada bila-bila masa dengan notis, memerintahkan suatu pertubuhan berdaftar supaya memberikan kepadanya secara bertulis —

(a) satu salinan yang benar dan lengkap mengenai aturan-aturan pertubuhan itu yang berkuatkuasa pada tarikh perintah tersebut;

(b) satu senarai yang benar dan lengkap mengenai pemegang-pemegang jawatan dan ahli-ahli pertubuhan itu atau mana-mana cawangannya yang tinggal di Negara Brunei Darussalam atau berada di dalamnya pada tarikh perintah tersebut;

(c) suatu penyata yang benar dan lengkap mengenai bilangan mesyuarat yang diadakan oleh pertubuhan itu atau cawangannya di Negara Brunei Darussalam dalam tempoh 6 bulan sejurus sebelum perintah tersebut yang menyatakan tempat atau tempat-tempat di mana mesyuarat-mesyuarat itu diadakan;

(d) akaun-akaun yang telah diaudit oleh seorang juruaudit yang dibenarkan oleh Pendaftar, yang boleh memberikan kebenaran tersebut pada amnya atau bagi sebarang pengauditan tertentu; dan juruaudit yang dibenarkan itu hendaklah membuat suatu laporan mengenai akaun-akaun yang telah diperiksa olehnya dalam borang sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pendaftar;

(e) nama dan alamat mana-mana pertubuhan, persatuan, kesatuan sekerja atau mana-mana kumpulan lain orang, yang diperbadankan atau tidak diperbadankan, di luar Negara Brunei Darussalam yang dengan apa jua cara bersekutu atau bergabung dengan pertubuhan itu dan butir-butir lain berhubung dengannya;

(f) perihalan apa-apa wang atau harta, sebarang manfaat atau faedah wang yang diterima oleh pertubuhan itu daripada mana-mana orang yang biasanya bermastautin di luar Negara Brunei Darussalam atau mana-mana organisasi, pihak berkuasa, kerajaan atau agensi mana-mana kerajaan, di luar Negara Brunei Darussalam dan butir-butir lain berhubung dengannya; atau

(g) maklumat lain sebagaimana yang mungkin dikehendaki oleh Pendaftar.

(3) Pendaftar boleh, pada bila-bila masa dengan notis, memerintahkan suatu pertubuhan berdaftar supaya mengemukakan bagi pemeriksannya —

(a) dokumen-dokumen hakmilik ke atas apa-apa harta yang dipegang oleh pertubuhan itu;

(b) semua atau sebarang buku akaun pertubuhan itu;

(c) sebarang minit atau rekod bertulis prosiding pertubuhan itu atau badan pentadbirnya; atau

(d) maklumat lain sebagaimana yang mungkin dikehendaki oleh Pendaftar.

(4) Suatu perintah di bawah ceraian (3) hendaklah menyatakan masa, yang tidak kurang dari 7 hari, maklumat itu dikehendaki diberikan —

Dengan syarat bahawa Pendaftar boleh, atas permohonan yang dibuat kepadanya dan dengan menunjukkan sebab yang memuaskan, membentarkan masa itu dilanjutkan.

(5) Maklumat yang diberikan di bawah ceraian-ceraian (1) dan (2) hendaklah disahkan dengan tandatangan yang di-pertua, setiausaha atau pemegang jawatan dalam pertubuhan itu.

(6) Jika butir-butir yang dikehendaki untuk diberikan di bawah ceraian (1) atau (2) tidak diberikan dalam masa yang dinyatakan dalam perintah itu atau sebarang lanjutan masa yang dibenarkan oleh Pendaftar, maka Pendaftar boleh membuat suatu perintah sementara bagi membubarkan pertubuhan itu.

(7) Jika sebelum tamat tempoh 30 hari dari tarikh perintah sementara itu maklumat yang dikehendaki untuk diberikan di bawah ceraian (1) atau (2) adalah diberikan, maka Pendaftar boleh membatalkan perintah sementara itu.

(8) Apabila tamat tempoh 30 hari dari tarikh perintah sementara itu, atau jika suatu rayuan belum diputuskan, apabila rayuan itu ditolak, maka perintah itu hendaklah menjadi mutlak dan pertubuhan itu hendaklah dianggap sebagai suatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang dan hendaklah selepas itu terhenti daripada didaftarkan.

(9) Suatu pertubuhan berdaftar yang telah dibatalkan pendaftarannya, atas alasan pertubuhan itu gagal mematuhi suatu perintah di bawah ceraian (2), tidaklah berhak memohon untuk didaftarkan semula sehingga perintah itu telah dipatuhi atau melainkan jika dibuktikan sehingga memuaskan hati Pendaftar bahawa adalah mustahil dapat mematuhi perintah itu.

Orang yang bertanggungjawab untuk memberikan maklumat.

23. (1) Kewajipan yang dikenakan kepada suatu pertubuhan berdaftar oleh bab 22 hendaklah terikat kepada tiap-tiap pemegang jawatan dalam pertubuhan berdaftar itu dan kepada tiap-tiap orang yang menguruskan atau menolong dalam pengurusan pertubuhan itu di Negara Brunei Darussalam —

Dengan syarat bahawa pemegang jawatan dan orang itu tidaklah terikat melainkan jika dia telah disampaikan dengan suatu perintah yang dibuat di bawah bab 22.

(2) Jika suatu pertubuhan berdaftar gagal mematuhi kesemua atau mana-mana bahagian dari suatu perintah yang dibuat di bawah bab 22, mana-mana pemegang jawatan dan orang yang telah disampaikan dengan perintah itu adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$5,000 melainkan jika dia membuktikan kepada mahkamah bahawa dia telah menjalankan usaha yang sewajarnya dan telah gagal mematuhi perintah itu kerana sebab-sebab di luar kawalannya.

(3) Jika suatu notis, perintah atau dokumen lain disampaikan kepada mana-mana orang yang terhenti daripada menjadi pemegang jawatan dalam suatu pertubuhan berdaftar, dia hendaklah dengan serta-merta menyerahkan notis, perintah atau dokumen tersebut kepada mana-mana pemegang jawatan yang sedia ada dalam pertubuhan berdaftar itu atau jika tidak diketahui, hendaklah mengembalikannya kepada Pendaftar atau Penolong Pendaftar yang telah mengirimkannya; dan mana-mana orang yang gagal berbuat demikian adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$3,000.

(4) Jika apa-apa maklumat yang diberikan kepada Pendaftar bagi mematuhi suatu perintah di bawah bab 22 adalah palsu, tidak betul atau tidak lengkap dalam apa-apa butir penting, orang yang telah memberikan maklumat itu adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$2,000 melainkan jika dia membuktikan kepada mahkamah bahawa dia mempunyai sebab yang memuaskan untuk mempercayai bahawa maklumat itu adalah benar, betul dan lengkap.

Pertikaian.

24. (1) Jika Pendaftar berpendapat bahawa suatu pertikaian telah berlaku di antara ahli-ahli atau pemegang-pemegang jawatan dalam suatu pertubuhan berdaftar yang dengan sebab itu Pendaftar tidak berpuas hati tentang identiti orang-orang yang telah sempurna dilantik sebagai pemegang jawatan dalam pertubuhan itu, Pendaftar boleh menyampaikan notis kepada pertubuhan itu yang menghendakinya, dalam masa satu bulan dari tarikh notis itu disampaikan, supaya mengemukakan kepadanya keterangan mengenai penyelesaian sebarang pertikaian tersebut dan mengenai lantikan yang telah sempurna dibuat bagi pemegang-pemegang jawatan yang sah dalam pertubuhan itu atau mengenai permulaan prosiding untuk menyelesaikan pertikaian tersebut.

(2) Jika notis itu tidak dipatuhi sehingga memuaskan hati Pendaftar dalam tempoh satu bulan atau sebarang lanjutan masa sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh Pendaftar, maka Pendaftar boleh membatalkan pendaftaran pertubuhan itu di bawah ceraian (1) bab 13.

Pemeriksaan dokumen dan nilai keterangan bagi salinan yang diperakui oleh Pendaftar.

25. (1) Tertakluk kepada ceraian (2) dan setelah bayaran yang ditetapkan dalam Jadual Pertama dibuat, dokumen-dokumen yang difailkan kepada Pendaftar atau Penolong Pendaftar menurut sebarang peruntukan Perintah ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya boleh diperiksa oleh mana-mana orang atau sebarang salinan mana-mana sijil, perintah, notis atau apa-apa dokumen lain yang dikeluarkan oleh Pendaftar atau Penolong Pendaftar menurut sebarang peruntukan Perintah ini atau sebarang peraturan yang dibuat di

bawahnya boleh diperolehi oleh mana-mana orang daripada Pendaftar atau Penolong Pendaftar —

Dengan syarat bahawa orang yang meminta pemeriksaan atau salinan itu hendaklah menyatakan tujuan dia memerlukannya, dan Pendaftar berpuas hati bahawa tujuan tersebut adalah suatu tujuan yang sah, dan bahawa pemeriksaan atau salinan itu tidak diminta oleh atau bagi pihak suatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang.

(2) Tiada sesiapa pun, selain daripada seseorang yang Pendaftar berpuas hati adalah seorang ahli suatu pertubuhan, boleh memeriksa atau mendapatkan daripada Pendaftar atau Penolong Pendaftar akaun-akaun pertubuhan itu atau suatu salinannya.

(3) Satu salinan atau cabutan dari apa-apa dokumen yang diterima di pejabat Pendaftar atau Penolong Pendaftar yang diperakui sebagai satu salinan atau cabutan yang benar dengan tandatangan dan meterai Pendaftar atau Penolong Pendaftar boleh diterima sebagai keterangan dalam sebarang prosiding dan adalah sama sahnya dengan dokumen asal.

Akibat perintah di bawah bab 31, penolakan pendaftaran pertubuhan di bawah bab 11 dan pembatalan pendaftaran.

26. (1) Apabila suatu perintah dibuat oleh Menteri di bawah bab 31, apabila Pendaftar menolak pendaftaran suatu pertubuhan di bawah bab 11 atau apabila pendaftaran suatu pertubuhan berdaftar dibatalkan di bawah sebarang peruntukan Perintah ini —

(a) harta pertubuhan itu hendaklah dengan serta-merta terletak di tangan pegawai yang dilantik, menurut syarat-syarat perintah pembubaruan, oleh Pendaftar bagi tujuan menggulung urusan pertubuhan itu;

(b) pegawai itu hendaklah menggulung urusan pertubuhan itu dan, setelah menyelesaikan dan mengadakan peruntukan bagi semua hutang dan liabiliti pertubuhan itu dan kos penggulungan —

(i) hendaklah membahagi-bahagikan sebarang aset lebihan pertubuhan itu di antara ahli-ahlinya mengikut aturan-aturan pertubuhan itu; atau

(ii) jika tidak ada aturan-aturan yang dikenakan kepada hal itu, hendaklah membahagi-bahagikan aset tersebut dengan sama rata di antara ahli-ahlinya, tetapi jika oleh kerana bilangan ahli-ahli atau kesukaran untuk menentukan orang-orang yang berhak menerima aset tersebut atau kerana sebarang sebab lain, pembahagian tersebut pada pendapat pegawai itu tidak dapat dijalankan, maka dia hendaklah menyediakan dan mengemukakan kepada Mahkamah Tinggi suatu skim untuk diluluskan bagi menggunakan aset tersebut bagi maksud-maksud yang mungkin memberi faedah kepada sebahagian daripada orang ramai yang besar kemungkinannya adalah ahli-ahli pertubuhan itu atau orang ramai pada amnya;

(c) skim tersebut apabila dikemukakan untuk diluluskan boleh dipinda oleh Mahkamah Tinggi dengan cara sebagaimana yang difikirkannya patut;

(d) kelulusan Mahkamah Tinggi terhadap skim atau skim yang dipinda itu hendaklah ditunjukkan dengan catatan mengenainya dalam suatu memorandum kelulusan tersebut yang ditandatangani oleh seorang Hakim dan dicap dengan meterai Mahkamah Tinggi dan, selepas itu aset lebihan tersebut hendaklah dipegang dan digunakan menurut skim itu.

(2) Pendaftar boleh, bagi maksud membolehkan suatu pertubuhan untuk menggulung urusannya sendiri, menggantung kuatkuasa bab ini setakat mana dan bagi tempoh sebagaimana yang mungkin difikirkannya mustahak.

(3) Jika suatu perintah pembubaran atau pembatalan telah dibuat terhadap suatu pertubuhan, tiap-tiap orang pada tarikh perintah itu dibuat yang menjadi pemegang jawatan dalam pertubuhan itu, dalam tempoh 3 tahun dari tarikh perintah itu dibuat, adalah tidak layak kecuali dengan kebenaran bertulis daripada Menteri, untuk bertindak atau dipilih sebagai pemegang jawatan dalam mana-mana pertubuhan lain.

BAHAGIAN V

CAWANGAN-CAWANGAN PERTUBUHAN BERDAFTAR

Penubuhan cawangan pertubuhan berdaftar.

27. (1) Pertubuhan berdaftar tidaklah boleh menubuhkan suatu cawangan tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada Pendaftar.

(2) Pendaftar boleh enggan memberi kebenaran bagi penubuhan suatu cawangan pertubuhan berdaftar jika —

(a) aturan-aturan pertubuhan itu tidak membuat peruntukan bagi penubuhan suatu cawangan pertubuhan itu; atau

(b) aturan-aturan cawangan itu adalah sebegitu hingga menjadikannya suatu pertubuhan bebas dan tidak berada di bawah kawalan pertubuhan itu dengan secukupnya.

(3) Jika suatu pertubuhan berdaftar menubuhkan suatu cawangan tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada Pendaftar, cawangan yang ditubuhkan itu adalah suatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang —

Dengan syarat bahawa suatu cawangan mana-mana pertubuhan berdaftar yang ditubuhkan dan wujud sejurus sebelum permulaan kuatkuasa Perintah ini adalah bukan suatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang jika, dalam masa 6 bulan dari permulaan kuatkuasa Perintah ini atau suatu tempoh yang dilanjutkan, yang tidak lebih dari 3 bulan sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh Pendaftar pada mana-mana satu masa, pertubuhan berdaftar itu memohon kepada Pendaftar secara bertulis bagi mendapatkan kebenarannya; dan setelah menimbangkan permohonan tersebut Pendaftar boleh enggan memberi kebenaran di bawah ceraian (2).

(4) Peruntukan-peruntukan Perintah ini, selain dari bab-bab 8, 9 dan 11, hendaklah dikenakan kepada mana-mana cawangan suatu pertubuhan berdaftar yang dibenarkan di bawah bab ini seolah-olah cawangan itu adalah suatu pertubuhan yang didaftarkan di bawah Perintah ini.

(5) Bagi maksud-maksud bab ini, cawangan suatu pertubuhan berdaftar termasuk mana-mana pertubuhan yang dengan apa jua cara pun menjadi pertubuhan di bawah pertubuhan lain.

(6) Jika kebenaran untuk menubuhkan suatu cawangan telah diberikan di bawah bab ini, cawangan tersebut hendaklah ditubuhkan dalam masa 3 bulan melainkan jika Pendaftar telah membenarkan masa itu dilanjutkan.

Liabiliti pertubuhan berkaitan dengan kontrak yang dibuat oleh cawangan.

28. (1) Dengan tidak menghiraukan sebarang apa pun yang terkandung dalam bab 27, suatu pertubuhan berdaftar tidak boleh mendakwa atau didakwa berkaitan dengan apa-apa kontrak yang dibuat oleh mana-mana cawangannya atau oleh mana-mana pemegang jawatan dalam mana-mana cawangan tersebut melainkan jika kontrak itu —

(a) telah dibuat oleh cawangan itu menurut kebenaran bertulis yang nyata yang diberikan kepadanya oleh jawatankuasa atau badan pentadbir pertubuhan berdaftar itu; atau

(b) adalah suatu kontrak di dalam jenis atau perihalan tertentu kontrak-kontrak yang dibenarkan oleh pertubuhan berdaftar itu untuk dibuat oleh cawangan tersebut.

(2) Peruntukan-peruntukan perenggan (c), (d) dan (e) bab 21 hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya dalam pengenaannya kepada sebarang guaman, prosiding, penghakiman atau permohonan bagi perlaksanaan berkenaan dengan apa-apa kontrak yang dibuat oleh cawangan suatu pertubuhan berdaftar.

(3) Tanpa menjaskan ceraian (1), jika suatu cawangan, disebut dalam ceraian ini sebagai "cawangan bawahan", adalah di bawah kawalan dan bertanggungjawab kepada cawangan lain, disebut dalam ceraian ini sebagai "cawangan atasan", cawangan atasan boleh mendakwa atau didakwa bagi kontrak-kontrak yang dibuat oleh cawangan bawahan jika kontrak tersebut —

(a) telah dibuat oleh cawangan bawahan menurut kebenaran bertulis yang nyata yang diberikan kepadanya oleh cawangan atasan; atau

(b) adalah suatu kontrak di dalam jenis atau perihalan tertentu kontrak-kontrak yang dibenarkan oleh cawangan atasan untuk dibuat oleh cawangan bawahan —

Dengan syarat bahawa suatu cawangan hendaklah, dalam sebarang hal, dianggap sebagai di bawah kawalan dan bertanggungjawab kepada cawangan lain jika ahli-ahli cawangan atasan dilantik, diundi ataupun selainnya dipilih daripada ahli-ahli cawangan bawahan.

BAHAGIAN VI

PERTUBUHAN-PERTUBUHAN YANG MENYALAHİ UNDANG-UNDANG

Pertubuhan-pertubuhan yang menyalahı undang-undang.

29. (1) Bagi maksud-maksud Perintah ini, berikut adalah pertubuhan-pertubuhan yang menyalahı undang-undang —

(a) mana-mana pertubuhan atau mana-mana cawangannya yang telah diisyiharkan sebagai menyalahı undang-undang oleh Menteri di bawah bab 31;

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(b) mana-mana pertubuhan yang tidak didaftarkan di bawah ceraian (3) bab 8 atau mana-mana cawangannya;

(c) mana-mana cawangan suatu pertubuhan berdaftar jika cawangan itu ditubuhkan dengan melanggar ceraian (1) bab 27 atau terus wujud dengan melanggar proviso kepada ceraian (3) bab 27;

(d) mana-mana pertubuhan yang pendaftarannya telah dibatalkan di bawah bab 13 atau 22 atau mana-mana cawangannya.

(2) Jika mana-mana pertubuhan adalah menyalahi undang-undang di bawah ceraian (1), tiap-tiap cawangan pertubuhan itu adalah sejurus selepas itu menyalahi undang-undang dan kebenaran Pendaftar bagi penubuhannya hendaklah dibatalkan, dan dalam hal itu tiap-tiap cawangan di bawah cawangan tersebut adalah selepas itu menyalahi undang-undang.

Pertubuhan yang menggunakan upacara Triad dianggap sebagai pertubuhan yang menyalahi undang-undang.

30. (1) Tiap-tiap pertubuhan, sama ada pertubuhan itu didaftarkan atau tidak, yang menggunakan suatu upacara Triad, lambang Triad, gelaran Triad atau apa-apa tatanama triad yang lain hendaklah dikenali sebagai suatu Pertubuhan Triad dan adalah suatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang.

(2) Bagi maksud-maksud ceraian (1), suatu "upacara Triad" bermakna apa-apa upacara yang biasanya digunakan oleh Pertubuhan-Pertubuhan Triad, apa-apa upacara yang hampir-hampir menyerupai apa-apa upacara tersebut dan mana-mana bahagian dari apa-apa upacara tersebut.

(3) Mana-mana orang yang menjadi atau bertindak sebagai seorang ahli suatu pertubuhan triad atau menghadiri sebarang mesyuaratnya atau didapati memiliki atau ada dalam jagaan atau kawalannya, apa-apa benda bagi atau berhubung dengan, mana-mana pertubuhan Triad, sama ada pertubuhan itu ditubuhkan di Negara Brunei Darussalam atau tidak, adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$15,000 atau dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 5 tahun.

Kuasa Menteri untuk mengisyiharkan pertubuhan sebagai menyalahi undang-undang.

31. (1) Menteri boleh, dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*, mengisyiharkan mana-mana pertubuhan atau cawangannya atau sebarang jenis atau perihalan mana-mana pertubuhan sebagai menyalahi undang-undang, sama ada pertubuhan itu ditubuhkan di Negara Brunei Darussalam atau tidak, yang pada pendapatnya —

(a) sedang digunakan atau mungkin digunakan bagi sebarang tujuan yang menyalahi undang-undang atau tujuan yang menjelaskan atau bertentangan dengan keamanan, ketenteraman awam, keselamatan atau kepentingan awam Negara Brunei Darussalam; atau

(b) digunakan bagi tujuan-tujuan yang berlawanan dengan matlamat-matlamat yang telah diikrarkannya.

(2) Suatu perintah di bawah ceraian (1) hendaklah berkuatkuasa untuk membatalkan pendaftaran mana-mana pertubuhan itu mulai dari tarikh perintah tersebut.

(3) Mana-mana pertubuhan yang telah diisyiharkan sebagai menyalahi undang-undang di bawah ceraian (1) dan yang badan pentadbirnya belum membuat suatu rayuan di bawah ceraian (4) pada tamatnya tempoh 7 hari dari masa pengisytiharan tersebut, atau jika suatu rayuan telah dibuat dan rayuan tersebut gagal dari masa pengisytiharan tersebut disahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, hendaklah *ipso facto* dibubarkan.

(4) Badan pentadbir suatu pertubuhan yang telah diisyiharkan sebagai menyalahi undang-undang di bawah ceraian (1) boleh dalam masa 7 hari dari tarikh penyiaran perintah tersebut merayu kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang boleh, atas budi bicara Baginda, mengesahkan atau membatalkan keputusan Menteri itu.

(5) Keputusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan di bawah ceraian (4) adalah muktamad dan tidak tertakluk kepada rayuan kepada mana-mana mahkamah.

BAHAGIAN VII

PENGUATKUASAAN

Kuasa untuk memasuki dan menggeledah.

32. (1) Pendaftar, seseorang Penolong Pendaftar atau mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Penolong Penguasa boleh tanpa waran, memasuki dan menggeledah mana-mana tempat dan memeriksa dan meneliti apa-apa peralatan, bahan, rekod dan apa-apa barang lain untuk memastikan bahawa sebarang kehendak, dan untuk memastikan sama ada peruntukan-peruntukan, Perintah ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya dipatuhi.

(2) Pendaftar, seseorang Penolong Pendaftar atau mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Penolong Penguasa yang memasuki

tempat yang disebut dalam ceraian (1) boleh merampas dan menahan apa-apa benda yang dijumpai di dalamnya yang dia mempunyai sebab untuk mempercayai mungkin dikehendaki berkaitan dengan sebarang prosiding di bawah Perintah ini.

(3) Pendaftar, seseorang Penolong Pendaftar atau mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Penolong Pengusa boleh tanpa waran, dengan atau tanpa bantuan dan dengan menggunakan kekerasan yang munasabah jika perlu —

(a) memasuki mana-mana tempat di mana dia mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa suatu mesyuarat mana-mana pertubuhan yang menyalahi undang-undang atau orang-orang yang merupakan ahli-ahli suatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang sedang diadakan, atau bahawa apa-apa benda yang dippunyai oleh suatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang disembunyikan, disimpan atau diletakkan; dan

(b) menangkap atau menyebabkan untuk ditangkap semua orang yang dijumpai di mana-mana tempat tersebut dan mengeledah tempat itu; dan

(c) merampas atau menyebabkan untuk dirampas apa-apa benda yang dia mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai sebagai kepunyaan suatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang atau dalam apa jua cara pun ada kaitan dengannya.

(4) Semua orang yang ditangkap dan semua benda yang dirampas, di bawah ceraian (2), boleh ditahan dalam kurungan dan dibawa di hadapan mahkamah untuk diambil tindakan mengikut undang-undang.

Kuasa Pendaftar atau Penolong Pendaftar untuk menyaman saksi supaya hadir dan menyiasat.

33. (1) Pendaftar atau seseorang Penolong Pendaftar boleh menyaman supaya hadir di hadapannya mana-mana orang yang dia mempunyai sebab untuk mempercayai boleh memberi apa-apa maklumat tentang adanya operasi mana-mana pertubuhan yang menyalahi undang-undang atau mana-mana kelab, syarikat, perkongsian atau persatuan yang disyaki sebagai suatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang atau tentang operasi suatu pertubuhan berdaftar.

(2) Orang itu hendaklah hadir pada masa dan tempat yang dinyatakan dalam saman itu dan mengemukakan semua benda yang ada dalam jagaan, milikan atau kuasanya berhubung dengan pertubuhan, kelab, syarikat, perkongsian atau persatuan itu dan menjawab dengan sebenarnya semua soalan yang ditanyakan kepadanya oleh Pendaftar atau seseorang Penolong Pendaftar.

(3) Mana-mana orang yang gagal hadir setelah saman itu diberikan atau yang gagal menjawab dengan sebenarnya adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$2,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari satu tahun atau keduanya sekali.

(4) Pendaftar dan tiap-tiap Penolong Pendaftar boleh mentadbirkan suatu sumpah kepada, dan memeriksa dengan mengangkat sumpah, mana-mana orang yang disaman supaya hadir di hadapannya di bawah peruntukan-peruntukan Perintah ini.

(5) Jika mana-mana orang yang disaman supaya hadir oleh Pendaftar atau seseorang Penolong Pendaftar di bawah bab ini tanpa sebab yang sah gagal mematuhi sebarang kewajipan yang dikenakan kepadanya oleh ceraian (1), (2) atau (3) atau memberi maklumat yang dipercayai oleh Pendaftar atau Penolong Pendaftar itu, mengikut mana yang berkenaan, sebagai palsu, maka Pendaftar atau Penolong Pendaftar itu boleh, jika dianggapnya berfaedah bagi pengenalan orang itu pada masa depan, memerintahkan supaya gambar dan cap jari orang itu diambil pada masa dan di tempat dan mengikut cara sebagaimana yang mungkin difikirkannya patut dan, jika orang itu tanpa sebab yang sah gagal mematuhi atau menghalang perlaksanaan sebarang perintah tersebut, maka dia adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$1,000.

(6) Tiada pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang yang disaman supaya hadir di hadapan Pendaftar atau seseorang Penolong Pendaftar di bawah bab ini boleh mendedahkannya kepada sebarang tangkapan atau pendakwaan jenayah, atau dijadikan bukti terhadapnya dalam sebarang prosiding jenayah, kecuali dalam suatu pendakwaan kerana tidak memberi jawapan dengan sebenarnya di bawah bab ini.

(7) Bagi maksud-maksud bab ini, Pendaftar dan Penolong Pendaftar itu hendaklah mempunyai kuasa untuk menyiasat sama seperti seorang pegawai polis di bawah Penggal XIII Kanun Peraturan Jenayah (Penggal 7).

Pendakwaan.

34. (1) Kecuali dalam hal seseorang yang dituduh di bawah bab-bab 20 dan 30, di bawah ceraian (5) bab 33 atau di bawah bab 44 dan seseorang yang ditangkap di bawah bab 32, suatu pendakwaan di bawah Perintah ini tidak boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan persetujuan Pendakwa Raya —

Dengan syarat bahawa orang yang dituduh melakukan sebarang kesalahan tersebut boleh ditangkap atau suatu waran untuk menangkapnya boleh dikeluarkan dan dilaksanakan, dan mana-mana orang itu boleh ditahan dalam kurungan atau dibenarkan diikat jamin, walaupun persetujuan Pendakwa Raya untuk memulakan suatu pendakwaan atas kesalahan tersebut belum didapati,

tetapi kes tersebut tidak boleh didakwa selanjutnya sehingga persetujuan tersebut telah didapati.

(2) Apabila seseorang itu dibawa di hadapan mahkamah di bawah bab ini sebelum Pendakwa Raya memberi persetujuan kepada pendakwaan itu, tuduhan tersebut hendaklah diterangkan kepadanya tetapi dia tidak boleh diminta untuk membuat apa-apa pengakuan, dan peruntukan-peruntukan undang-undang berkenaan dengan prosedur jenayah hendaklah diubahsuai dengan sewajarnya.

(3) Dalam sebarang pendakwaan di bawah Perintah ini, suatu sijil yang dicap dengan meterai Pendaftar dan dikatakan telah ditandatangani oleh Pendaftar bahawa suatu pertubuhan adalah pertubuhan berdaftar atau bukan pertubuhan berdaftar atau, setelah didaftarkan, telah dibubarkan hendaklah diterima sebagai keterangan muktamad mengenai fakta-fakta yang dinyatakan dalam sijil itu.

Benda yang dirampas boleh dilucutahak.

35. Semua benda yang dirampas di bawah peruntukan-peruntukan Perintah ini boleh dilucutahak.

Perlucutan hak.

36. (1) Apa-apa benda kepunyaan suatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang hendaklah, atas suatu perintah mahkamah, dilucutahak dan diberikan kepada Pendaftar atau seseorang Penolong Pendaftar untuk dilupuskan dengan cara sebagaimana yang difikirkannya patut.

(2) Suatu perintah perlucutan hak boleh dibuat jika terbukti sehingga memuaskan hati mahkamah bahawa suatu kesalahan terhadap Perintah ini telah dilakukan dan bahawa benda-benda itu adalah menjadi hal-perkara atau digunakan dalam melakukan kesalahan tersebut, walaupun seseorang itu tidak mungkin telah disabitkan atas kesalahan tersebut.

Apa-apa barang yang dirampas yang berkaitan dengannya tidak ada pendakwaan hendaklah dilucutahak jika tidak dituntut dalam masa satu bulan.

37. (1) Jika tiada pendakwaan dimulakan berkaitan dengan apa-apa benda yang dirampas di bawah Perintah ini, benda tersebut hendaklah dilucutahak pada tamatnya tempoh satu bulan dari tarikh rampasan melainkan jika suatu tuntutan terhadapnya dibuat sebelum tempoh itu mengikut cara yang diperihalkan dalam ceraian (2).

(2) Mana-mana orang yang menyatakan bahawa dia adalah pemilik apa-apa benda itu dan bahawa benda itu tidak boleh dilucutahak boleh, sendiri atau melalui ejennya yang diberi kuasa secara bertulis, memberi notis bertulis kepada Pendaftar bahawa dia menuntutnya.

(3) Apabila notis tersebut diterima, Pendaftar boleh mengarahkan supaya benda itu dilepaskan atau boleh merujukkan perkara tersebut kepada mahkamah bagi keputusannya.

(4) Apabila suatu rujukan dibuat kepadanya di bawah ceraian (3), mahkamah hendaklah mengeluarkan suatu saman yang menghendaki supaya orang yang menyatakan bahawa dia adalah pemilik benda itu dan orang yang daripadanya benda itu dirampas hadir di hadapannya dan hendaklah terus memeriksa perkara itu.

(5) Apabila terbukti bahawa suatu kesalahan terhadap Perintah ini telah dilakukan dan bahawa benda itu adalah menjadi hal-perkara atau digunakan dalam melakukan kesalahan tersebut, mahkamah hendaklah memerintahkan supaya benda itu dirampas walaupun seseorang itu tidak mungkin telah disabitkan atas kesalahan tersebut dan boleh, sekiranya bukti tersebut tidak ada, memerintahkan supaya benda itu dilepaskan.

Perlindungan pemberi maklumat.

38. (1) Tertakluk kepada ceraian (2) —

(a) tiada saksi boleh diwajibkan atau dibenarkan untuk mendedahkan nama dan alamat mana-mana pemberi maklumat di bawah Perintah ini atau apa-apa perkara yang mungkin membawa kepada penzahirannya; dan

(b) jika apa-apa dokumen yang menjadi keterangan atau boleh diperiksa dalam sebarang prosiding sivil atau jenayah di bawah Perintah ini mengandungi apa-apa catatan yang ada menamakan atau memerihalkan mana-mana pemberi maklumat atau yang mungkin membawa kepada penzahirannya, mahkamah hendaklah menyebabkan semua catatan tersebut ditutup supaya tidak dapat dilihat atau dipadamkan hanya setakat mana yang perlu untuk melindungi pemberi maklumat itu dari penzahirannya.

(2) Jika dalam sebarang prosiding jenayah di bawah Perintah ini mahkamah, selepas menjalankan siasatan penuh tentang kes itu, berpuas hati bahawa penguatkuasaan peruntukan-peruntukan bab ini mungkin menyebabkan salah laksana keadilan, mahkamah boleh menghendaki supaya maklumat asal dikemukakan dan boleh membenarkan siasatan dan menghendaki pendedahan penuh kepada mahkamah berhubung dengan pemberi maklumat.

Kesalahan tertentu tidak boleh dijamin dan boleh ditangkap tanpa waran.

39. (1) Pendaftar, Penolong Pendaftar dan mana-mana pegawai polis boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang —

(a) yang telah melakukan atau yang didapati melakukan;

(b) yang disyakinya dengan munasabah telah melakukan, atau melakukan, percubaan, menyebabkan atau bersubahat hendak melakukan, atau ada terlibat dalam,

sebarang kesalahan terhadap bab 15, 18, 20 atau 30 atau terhadap bab-bab 41 hingga 47 dan boleh memeriksa atau menyebabkan untuk diperiksa mana-mana orang itu dan mengambil milik semua benda yang dijumpai padanya yang terdapat sebab untuk mempercayai telah digunakan berhubung dengan kesalahan itu —

Dengan syarat bahawa tiada perempuan boleh diperiksa kecuali oleh seseorang perempuan.

(2) Kesalahan-kesalahan yang disebut dalam ceraian (1) adalah kesalahan-kesalahan yang tidak boleh dijamin di bawah Kanun Peraturan Jenayah (Penggal 7).

Liabiliti pemegang jawatan berkaitan dengan kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan.

40. (1) Jika sebarang kesalahan yang boleh dihukum dengan suatu denda atau penjara telah dilakukan, sama ada mana-mana orang telah disabitkan berkaitan dengannya atau tidak, dan kesalahan itu telah dilakukan atau dikatakan telah dilakukan oleh suatu pertubuhan atau atas nama atau bagi pihak suatu pertubuhan, setiap pemegang jawatan dalam pertubuhan itu dan setiap orang yang menguruskan atau menolong dalam pengurusan pertubuhan itu pada masa kesalahan itu dilakukan adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan hukuman yang ditetapkan oleh undang-undang, melainkan jika dia membuktikan kepada mahkamah bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuannya dan bahawa dia telah menjalankan segala usaha yang sewajarnya untuk mengelakkan kesalahan itu dari dilakukan.

(2) Mana-mana pemegang jawatan dan orang itu boleh didakwa di bawah bab ini, walaupun dia mungkin tidak mengambil bahagian dalam melakukan kesalahan itu.

(3) Dalam sebarang pendakwaan di bawah ceraian (1), apa-apa dokumen yang dijumpai dalam milikan mana-mana pemegang jawatan atau orang itu atau mana-mana ahli lain pertubuhan itu atau di mana-mana tempat yang digunakan atau dikawal oleh pertubuhan itu adalah keterangan *prima facie* mengenai isi

kandungannya bagi tujuan membuktikan bahawa sesuatu telah dilakukan atau dikatakan telah dilakukan oleh atau bagi pihak pertubuhan itu.

BAHAGIAN VIII

KESALAHAN-KESALAHAN

Kesalahan menjadi pemegang jawatan dll. dalam pertubuhan yang menyalahi undang-undang.

41. Mana-mana pemegang jawatan dan mana-mana orang yang menguruskan atau menolong dalam pengurusan suatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$15,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 5 tahun atau kedua-duanya sekali.

Kesalahan yang melibatkan ahli-ahli pertubuhan yang menyalahi undang-undang.

42. Mana-mana orang yang —

(a) menjadi atau bertindak sebagai seorang ahli suatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang;

(b) menghadiri mesyuarat suatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang; atau

(c) membayar wang atau memberi apa-apa bantuan kepada atau bagi tujuan-tujuan suatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang,

adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$10,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 3 tahun atau kedua-duanya sekali.

Orang yang membenarkan pertubuhan yang menyalahi undang-undang dalam premis.

43. Mana-mana orang yang dengan mengetahui membenarkan sebarang mesyuarat suatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang atau ahli-ahli suatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang, diadakan di mana-mana tempat yang dipunyai, diduduki olehnya atau yang berada dalam kawalannya adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$10,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 3 tahun atau kedua-duanya sekali.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Menghasut dll. orang untuk menjadi ahli pertubuhan yang menyalahi undang-undang.

44. (1) Mana-mana orang yang menghasut, mendorong atau mengajak orang lain untuk menjadi seorang ahli atau untuk menolong dalam pengurusan suatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$15,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 4 tahun atau kedua-duanya sekali.

(2) Mana-mana orang yang menggunakan sebarang kekerasan, ugutan ke atas mana-mana orang lain atau menakutkannya untuk mendorongnya supaya menjadi seorang ahli atau untuk menolong dalam pengurusan suatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$15,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 5 tahun atau kedua-duanya sekali.

Mendapatkan yuran atau bantuan untuk pertubuhan yang menyalahi undang-undang.

45. Mana-mana orang yang mendapatkan atau cuba mendapatkan daripada mana-mana orang lain apa-apa yuran atau bantuan bagi tujuan-tujuan suatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$10,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 3 tahun atau kedua-duanya sekali.

Penyiaran dll. propaganda pertubuhan yang menyalahi undang-undang.

46. (1) Mana-mana orang yang —

(a) mencetak, menyiaran, menunjukkan, menjual atau mendedahkan untuk jualan, mengedarkan atau menghantar melalui pos atau dengan cara elektronik; atau

(b) tanpa autoriti atau sebab yang sah, ada dalam milikannya,

apa-apa pelekat, surat khabar, buku, surat keliling, pernyataan bergambar atau apa-apa sahaja dokumen atau tulisan lain atau yang dikeluarkan atau ternyata dikeluarkan oleh atau bagi pihak atau bagi kepentingan suatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang, adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$5,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

(2) Apa-apa dokumen atau tulisan yang berkaitan dengannya orang itu telah disabitkan hendaklah dilucuthak.

(3) Dalam bab ini, "cara elektronik" bermakna suatu medium elektronik, magnetik, optik atau medium lain yang dengannya atau di mana maklumat dihasilkan, disampaikan, diterima atau disimpan dan yang boleh didapatkan kembali dalam bentuk yang boleh dilihat.

Bertindak bagi pihak atau bagi mewakili pertubuhan yang menyalahi undang-undang.

47. (1) Mana-mana orang yang dengan apa jua cara bertindak bagi pihak, atau mewakili atau menolong, sama ada atas sifat profesional ataupun selainnya —

(a) suatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang;

(b) seseorang yang merupakan seorang pemegang jawatan dalam pertubuhan yang menyalahi undang-undang itu seolah-olah dia terus menjadi seorang pemegang jawatan dalam pertubuhan yang menyalahi undang-undang itu; atau

(c) suatu badan yang merupakan badan pentadbir pertubuhan yang menyalahi undang-undang itu atau mana-mana cawangannya seolah-olah badan itu terus menjadi badan pentadbir tersebut,

berkenaan dengan apa-apa perkara, adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$15,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 5 tahun atau kedua-duanya sekali.

(2) Ceraian (1) tidak boleh dikenakan kepada —

(a) suatu rayuan oleh suatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang di bawah bab 55;

(b) sebarang prosiding di mana-mana mahkamah berkaitan dengan apa-apa perkara yang melibatkan suatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang;

(c) mana-mana orang yang merupakan seorang pemegang jawatan dalam suatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang; atau

(d) suatu badan yang merupakan badan pentadbir atau badan pentadbir mana-mana cawangan suatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang.

Menunjukkan atau menggunakan sijil pendaftaran yang telah dibatalkan.

48. Mana-mana orang yang menunjukkan atau menggunakan sebarang sijil pendaftaran suatu pertubuhan yang pendaftarannya telah dibatalkan, atau satu salinannya, dengan mengetahui bahawa sijil itu telah dibatalkan adalah

melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$2,000.

Bendera dll. dan tanda lain pertubuhan.

49. (1) Tertakluk kepada sebarang undang-undang bertulis lain, tiada pertubuhan boleh memakai apa-apa bendera, simbol, lambang, lencana atau tanda lain untuk pertubuhan itu sendiri melainkan jika bendera, simbol, lambang, lencana atau tanda lain itu telah dibenarkan oleh Pendaftar.

(2) Pendaftar boleh menentukan syarat-syarat yang atasnya bendera, simbol, lambang, lencana atau tanda lain itu boleh ditunjukkan.

(3) Mana-mana orang atau pertubuhan yang menunjukkan apa-apa bendera, simbol, lambang, lencana atau tanda lain yang belum mendapat kebenaran Pendaftar atau dengan melanggar sebarang syarat yang dikenakan oleh Pendaftar adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$3,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-duanya sekali.

Penipuan, pengakuan palsu dan salah guna.

50. Mana-mana orang yang, dengan niat hendak mengelirukan atau menipu, memberi kepada mana-mana orang —

(a) satu salinan sebarang undang-undang, peraturan, aturan atau dokumen lain, selain dari aturan-aturan suatu pertubuhan berdaftar, dengan dalih bahawa aturan-aturan tersebut adalah aturan-aturan yang sedia ada pertubuhan itu atau bahawa tidak ada aturan-aturan lain pertubuhan itu; atau

(b) satu salinan sebarang aturan dengan dalih bahawa aturan-aturan tersebut adalah aturan-aturan suatu pertubuhan berdaftar sedangkan pertubuhan itu tidak didaftarkan,

adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$5,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

Hukuman kerana memberi maklumat palsu.

51. Mana-mana orang yang memberi kepada Pendaftar atau Penolong Pendaftar, apa-apa maklumat atau dokumen yang dikehendaki di bawah Perintah ini yang sama ada diketahuinya atau dia mempunyai sebab untuk mempercayai adalah palsu adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$5,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

Hukuman am.

52. Mana-mana orang yang melakukan sebarang kesalahan terhadap Perintah ini boleh, sekiranya tidak ada hukuman lain diperuntukkan, jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$10,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 3 tahun atau kedua-duanya sekali.

Anggapan menjadi ahli dll. pertubuhan.

53. (1) Jika apa-apa benda, atau berkenaan dengan, atau dikatakan berkenaan dengan, mana-mana pertubuhan dijumpai ada dalam milikan, jagaan atau di bawah kawalan mana-mana orang, maka hendaklah dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, bahawa orang itu adalah seorang ahli pertubuhan itu, dan pertubuhan itu hendaklah dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, sebagai telah wujud pada masa benda-benda itu dijumpai.

(2) Jika apa-apa benda, atau berkenaan dengan, mana-mana pertubuhan dijumpai —

(a) ada dalam milikan, jagaan atau di bawah kawalan mana-mana orang, maka hendaklah dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, bahawa orang itu menolong dalam pengurusan pertubuhan itu;

(b) di mana-mana tempat, maka hendaklah dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, bahawa benda-benda itu ada dalam milikan penghuni tempat itu.

(3) Apabila pada pendapat mahkamah bahawa terdapat sebab yang munasabah untuk mengesyaki bahawa mana-mana tempat yang dimasuki atau digeledah di bawah sebarang kuasa yang sah yang diberikan oleh Perintah ini sejurus sebelum atau pada masa memasukinya digunakan oleh atau bagi tujuan-tujuan suatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang, maka mana-mana orang yang dijumpai di tempat itu pada bila-bila masa semasa penggeledahan tersebut atau didapati meninggalkan tempat itu sejurus sebelum, pada atau selepas masa memasukinya hendaklah, melainkan jika dia memberi keterangan yang memuaskan tentang sebab-sebabnya berada di tempat itu, dianggap sebagai seorang ahli pertubuhan yang menyalahi undang-undang.

Anggapan lain.

54. Dalam sebarang prosiding di bawah Perintah ini —

(a) jika terbukti bahawa suatu pertubuhan wujud, maka hendaklah dianggap bahawa pertubuhan itu adalah suatu pertubuhan dalam makna Perintah ini melainkan jika dibuktikan sebaliknya;

(b) tidaklah perlu bagi pihak pendakwa untuk membuktikan bahawa suatu pertubuhan mempunyai suatu nama, biasanya dikenali dengan suatu nama tertentu, telah ditubuhkan, mempunyai suatu tempat mesyuarat atau mempunyai pemegang jawatan;

(c) jika diperkatakan bahawa suatu pertubuhan adalah suatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang, beban untuk membuktikan bahawa pertubuhan itu adalah suatu pertubuhan berdaftar hendaklah terletak kepada orang yang dituduh itu.

Rayuan.

55. Mana-mana pertubuhan, pemegang jawatan atau ahli mana-mana pertubuhan atau mana-mana orang lain yang tidak puas hati dengan sebarang keputusan Pendaftar yang berikut —

(a) penolakan pendaftaran pertubuhan itu di bawah bab 11;

(b) enggan memberi pengecualian di bawah ceraian (4) bab 18 kepada seseorang yang dibatalkan kelayakan untuk memegang jawatan dalam suatu pertubuhan berdaftar;

(c) enggan membenarkan perubahan nama atau tempat urusan pertubuhan itu, atau pindaan aturan-aturannya, di bawah bab 16;

(d) enggan membenarkan penubuhan suatu cawangan pertubuhan itu di bawah bab 27;

(e) pembatalan pendaftaran pertubuhan itu di bawah ceraian (1) bab 13;

(f) perintah di bawah ceraian (1) bab 20 yang menghendaki pemecatan pemegang jawatan dari jawatan atau yang melarang orang-orang, yang bukan warganegara atau orang-orang yang telah diberikan suatu Permit Mastautin di bawah peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta Imigresen (Penggal 17), dari memegang jawatan dalam suatu pertubuhan;

(g) perintah untuk meminda aturan-aturan atau perlembagaan pertubuhan itu di bawah ceraian (2) bab 20;

(h) enggan membenarkan seorang juruaudit atau membenarkan seorang juruaudit yang tidak boleh diterima oleh pertubuhan itu, di bawah perenggan (d) ceraian (2) bab 22;

(i) membuat suatu perintah sementara bagi pembubaran pertubuhan itu di bawah bab 19 atau di bawah ceraian (6) bab 22;

(j) pembatalan pendaftaran suatu pertubuhan berdaftar di bawah ceraian (2) bab 24 kerana gagal mematuhi suatu notis di bawah ceraian (1) bab itu; atau

(k) enggan memberi kebenaran di bawah bab 15 untuk menjadi seorang pemegang jawatan,

boleh dalam masa 30 hari dari tarikh keputusan Pendaftar, merayu terhadap keputusan itu kepada Menteri; dan Menteri, yang keputusannya adalah muktamad dan tidak tertakluk kepada rayuan kepada mana-mana mahkamah, boleh mengesahkan, menolak atau mengubah keputusan Pendaftar.

BAHAGIAN IX

RAMPAIAN

Keterangan.

56. (1) Dalam sebarang pendakwaan di bawah Perintah ini, maka tidaklah menjadi apa-apa bantahan terhadap kebolehterimaan keterangan pakar bahawa pakar itu bukan atau tidak pernah menjadi seorang ahli suatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang.

(2) Dalam sebarang pendakwaan di bawah Perintah ini, mahkamah boleh merujuk bagi maksud-maksud keterangan kepada mana-mana buku yang berikut —

"Thian Ti Hwui, the Hung League or Heaven-Earth League," by G. Schlegel;

"The Triad Society," by W. Stanton;

"The Hung Society or the Society of Heaven and Earth," by J. S. M. Ward and W. G. Stirling;

"Triad Societies in Hong Kong," by W. P. Morgan,

dan kepada mana-mana buku atau artikel lain yang diterbitkan mengenai perkara pertubuhan-pertubuhan yang pada amnya menyalahi undang-undang atau pertubuhan-pertubuhan tertentu yang menyalahi undang-undang, yang dianggap oleh mahkamah sebagai autoriti mengenai perkara-perkara yang disebut di dalamnya.

Penyampaian dokumen.

57. Setiap saman, notis atau dokumen lain yang dikeluarkan di bawah Perintah ini atau di bawah sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya hendaklah dianggap telah disampaikan dengan sah dan sempurna jika disampaikan atau ditinggalkan kepada orang dimaksudkan hendak disampaikan atau, sekiranya dia tidak dapat dijumpai, jika ditinggalkan di tempat kediaman atau urusannya yang terakhir diketahui, oleh mana-mana orang yang diberi kuasa bagi maksud itu oleh Pendaftar atau, dalam hal penyampaian suatu notis atau perintah kepada pertubuhan, dengan menghantar notis atau perintah itu dengan pos berdaftar kepada alamat berdaftar pertubuhan itu.

Pindaan Jadual.

58. Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan* meminda Jadual-Jadual kepada Perintah ini.

Pengecualian.

59. Menteri boleh, atas budi bicaranya atau atas permohonan yang dibuat kepadanya secara bertulis, sama ada pada amnya atau dalam sebarang hal tertentu, dan sama ada selama-lamanya atau bagi suatu tempoh sebagaimana yang mungkin difikirkannya patut, mengecualikan mana-mana orang atau golongan orang, dari semua atau sebarang peruntukan Perintah ini; dan dalam memberikan pengecualian tersebut Menteri boleh mengenakan syarat-syarat sebagaimana yang mungkin difikirkannya patut.

Peraturan-peraturan.

60. (1) Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, membuat peraturan-peraturan yang perlu atau mustahak bagi menguatkuasakan dan menjalankan peruntukan-peruntukan Perintah ini, dan bagi perlaksanaannya yang sewajarnya.

(2) Khususnya dan tanpa menjelaskan keluasan makna kuasa-kuasa yang diberikan oleh ceraian (1), Menteri boleh membuat peraturan-peraturan bagi atau berkaitan dengan semua atau sebarang perkara yang berikut —

(a) menetapkan cara pendaftaran pertubuhan-pertubuhan di bawah Perintah ini;

(b) melarang penggunaan lencana atau tanda yang menyalahi undang-undang atau tidak diingini oleh pertubuhan-pertubuhan berdaftar;

(c) menetapkan borang-borang yang boleh digunakan bagi menjalankan peruntukan-peruntukan Perintah ini;

- (d) menetapkan maklumat yang akan diberikan kepada Pendaftar;
- (e) menetapkan bayaran yang boleh dikenakan di bawah Perintah ini;
- (f) menetapkan apa-apa jua yang dikehendaki untuk ditetapkan atau yang boleh ditetapkan di bawah Perintah ini;
- (g) termasuk peruntukan-peruntukan bersampingan, berbangkit dan tambahan sebagaimana yang dianggapnya perlu atau mustahak.

(3) Sebarang peraturan tersebut boleh mengadakan peruntukan bahawa kemungkiran atau pelanggaran sebarang peraturan adalah menjadi suatu kesalahan dan boleh mengadakan peruntukan suatu hukuman bagi sebarang kesalahan itu dengan suatu denda tidak melebihi dari \$2,000 dan penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 6 bulan.

Perkecualian.

61. (1) Orang-orang yang memegang jawatan Pendaftar, Timbalan Pendaftar dan Penolong Pendaftar sejurus sebelum permulaan kuatkuasa Perintah ini hendaklah dianggap bagi maksud-maksud Perintah ini telah dilantik masing-masing pada permulaan kuatkuasa Perintah ini ke jawatan yang sama.

(2) Mana-mana pertubuhan yang, sejurus sebelum permulaan kuatkuasa Perintah ini, didaftarkan di bawah peruntukan-peruntukan Akta Pertubuhan (Penggal 66) (dimansuhkan oleh Perintah ini) hendaklah dianggap sebagai didaftarkan di bawah Perintah ini.

(3) Mana-mana pertubuhan yang didaftarkan atau dikecualikan dari pendaftaran di bawah peruntukan-peruntukan Perintah ini, hendaklah dalam masa satu tahun dari tarikh permulaan kuatkuasa Perintah ini atau suatu tempoh yang dilanjutkan, yang tidak lebih dari 3 tahun, sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh Pendaftar, mengubah perlembagaan atau aturan-aturannya supaya mengandungi peruntukan-peruntukan bagi semua perkara yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

(4) Apa-apa lantikan yang dibuat, dan apa-apa perkara yang dilakukan, di bawah Akta Pertubuhan (Penggal 66) (dimansuhkan oleh Perintah ini) dan berkuatkuasa sejurus sebelum permulaan kuatkuasa Perintah ini dan setakat mana tidak bertentangan dengan Perintah ini, hendaklah terus berkuatkuasa seolah-olah dibuat atau dilakukan di bawah Perintah ini, tetapi Menteri boleh, pada bila-bila masa dan dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, membatalkan atau mengubah apa-apa lantikan atau perkara tersebut.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Pemansuhan.

62. Akta Pertubuhan (Penggal 66) dan Aturan-Aturan Pertubuhan adalah dimansuhkan.

JADUAL PERTAMA (bab-bab 8(3), 16(2) dan 25(1))

BAYARAN

Perubahan nama pertubuhan	\$50
Perubahan aturan-aturan pertubuhan	\$50
Pemeriksaan Daftar dan salinan sijil, perintah, notis atau dokumen lain	\$10
Pendaftaran	\$200

JADUAL KEDUA (bab 61(3))

PERLEMBAGAAN DAN ATURAN-ATURAN PERTUBUHAN

1. Perkara-perkara yang baginya peruntukan-peruntukan hendaklah dibuat dalam perlembagaan atau aturan-aturan setiap pertubuhan atau suatu cawangannya adalah seperti berikut —

(a) nama dan tempat urusan berdaftar atau alamat pos berdaftar pertubuhan itu;

(b) perihalan yang betul mengenai rekabentuk dan warna apa-apa bendera, lambang, lencana atau tanda lain yang digunakan oleh pertubuhan itu;

(c) tujuan-tujuan atau matlamat-matlamat pertubuhan itu ditubuhkan, atau yang pertubuhan itu berusaha hendak mencapainya, atau yang kerananya dananya atau mana-mana daripadanya boleh digunakan;

(d) kelayakan-kelayakan untuk menjadi ahli, termasuk butir-butir sebarang sekatan atau batasan yang boleh dikenakan tentang bilangan, had umur, jantina, ugama, bangsa, kerakyatan, tempat tinggal, suku bangsa atau nama keluarga orang-orang yang boleh diterima menjadi ahli pertubuhan itu;

(e) cara lantikan atau pemilihan ahli-ahli;

(f) komposisi dan cara lantikan jawatankuasa atau badan pentadbir dan jawatan-jawatan, kuasa-kuasa dan tugas-tugas pemegang jawatan dalam pertubuhan itu dan jika berkenaan cawangan-cawangannya;

(g) bahawa, jika Pendaftar menghendaki demikian, pemegang jawatan dalam pertubuhan itu dan setiap pegawai yang melaksanakan tugas-tugas eksekutif dalam pertubuhan itu hendaklah warganegara Negara Brunei Darussalam;

(h) sumber-sumber yang darinya pertubuhan itu akan memperolehi pendapatannya, termasuk kadar-kadar dan cara membuat bayaran masuk dan yuran berkala sebagaimana yang mungkin diputuskan;

(i) kuasa atau kuasa-kuasa untuk melakukan perbelanjaan dari dana pertubuhan itu;

(j) penyimpanan akaun pendapatan dan perbelanjaan pertubuhan itu dan penyiaran akaun itu kepada ahli-ahlinya pada tiap-tiap tahun;

(k) lantikan seorang juruaudit atau lebih;

(l) korum yang dikehendaki untuk menjalankan urusan dalam sebarang mesyuarat pertubuhan itu atau badan pentadbirnya; dan

(m) cara meminda dan cara bagaimana perlembagaan atau aturan-aturan pertubuhan itu boleh dipinda.

2. (1) Jika suatu pertubuhan adalah persatuan politik, perlembagaan atau aturan-aturannya hendaklah, sebagai tambahan kepada perkara-perkara yang disebut dalam perenggan 1, mengadakan peruntukan bahawa —

(a) setiap ahli pertubuhan itu, setiap pegawai yang melaksanakan tugas-tugas eksekutif dalam pertubuhan itu dan setiap penasihat, kepada pertubuhan itu, hendaklah warganegara Negara Brunei Darussalam; dan

(b) setiap ahli hendaklah mempunyai hak untuk mengundi dan adalah layak untuk memegang jawatan dalam jawatankuasa atau badan pentadbir dalam pertubuhan itu.

(2) Dalam perenggan ini, "persatuan politik" termasuk mana-mana pertubuhan yang diisyiharkan oleh Menteri, dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*, sebagai suatu persatuan politik.

3. Jika mana-mana pertubuhan berdaftar membuat peruntukan dalam perlembagaan atau aturan-aturannya bagi penubuhan cawangan-cawangan maka pertubuhan itu hendaklah juga membuat peruntukan di dalamnya berkenaan

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

dengan kaedah dan cara bagaimana penubuhan cawangan-cawangan itu akan diluluskan oleh pertubuhan itu atau badan pentadbirnya.

Diperbuat pada hari ini 23 haribulan Zulkaedah, Tahun Hijrah 1425 bersamaan dengan 4 haribulan Januari, 2005 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**